

Zaman penjawat awam ikut arahan buta tuli berlalu: KSN

Putrajaya: Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr Ismail Bakar menegaskan bahawa zaman penjawat awam perlu menurut arahan membuta tuli telah berlalu.

Katanya, bagi mendepani cabaran dunia tanpa sempadan, setiap penjawat awam perlu menjadi pemimpin yang mampu berfikir secara kreatif dan kritis, bukan hanya menjadi seorang pengikut.

“Segala pendekatan baharu ini tidak mungkin dapat dilaksanakan sekiranya kita semua masih dibuai mimpi lama. Pada masa terhad ini, penjawat awam perlu bertindak

pantas dalam tugas berlandaskan kepada prinsip bersih, cekap dan amanah,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, pemisahan kuasa antara badan pemerintah, perundangan dan kehakiman perlu diutamakan dalam memastikan integriti perkhidmatan awam tidak dipertikai.

Katanya, ketika semua rakyat melangkah ke era Malaysia baharu, perkhidmatan awam juga harus tekad untuk maju sederap dalam memberi khidmat terbaik kepada nusa dan bangsa.

Dalam pada itu, Ismail berkata



Ismail Bakar

sejak menerima lantikan sebagai Ketua Setiausaha Negara seminggulalu, antara ikrar utama beliau adalah melaksanakan reformasi ke arah mensejahterakan perkhidmatan awam dan rakyat amnya.

Berani bertindak

“Kebelakangan ini, imej perkhidmatan awam agak sedikit tercalar akibat terkait dengan isu integriti dan tadbir urus dalam kalangan penjawat awam. Sebagai institusi tulang belakang negara, kita harus berani bertindak untuk terus mempertingkatkan kecekapan, akauntabiliti, integriti, tadbir urus, ke-

telusan dan etika dalam pelaksanaan tugas,” katanya.

Beliau berkata perkhidmatan awam yang berfungsi sebagai institusi pelaksana harus sentiasa berada dalam barisan hadapan ketika menyantuni rakyat serta menutup semua jurang antara keduanya supaya perasaan pemilikan dapat diresapi oleh semua lapisan masyarakat.

Katanya dalam memberi khidmat terbaik kepada negara, penjawat awam juga perlu sentiasa bersedia melaksanakan perubahan untuk mengharungi halangan yang dihadapi.

BERNAMA